


K-Neutralizer RealStrong



K-Neutralizer RealStrong

- Sesuai untuk kelapa sawit dan tanaman kontan
- Memperbaiki pH tanah
- Meningkatkan unsur K (Kalium) dalam tanah untuk pertumbuhan pokok dan hasil tanaman
- Sumber Kalium tanpa Klorida (Kandungan Klorida tinggi boleh menyebabkan tanah menjadi bertoksik)

Penggunaan K-Neutralizer

K-Neutralizer adalah baja yang dirumus khas untuk memperbaiki struktur tanah tetapi pada masa yang sama boleh membekalkan nutrien K pada tanaman. Unsur K penting untuk pertumbuhan pokok yang sihat dan hasil yang maksimum. Disamping membekalkan unsur K, ia juga dapat memperbaiki pH tanah bagi mengoptimumkan penyerapan nutrien oleh pokok. Berdasarkan pemerhatian, penggunaan K-Neutralizer di ladang telah memberikan kesan positif dari segi penyerapan nutrien yang lebih efisien dan sekaligus menyumbang kepada penghasilan buah yang lebih banyak dan berkualiti. Penggunaan K Neutralizer membolehkan nutrien diserap oleh pokok dengan cara yang lebih efisien, perubahan merata dapat dilihat pada daun pokok yang lebih hijau dan berkilat. Antara kebaikan lain produk K-Neutralizer, ialah sumber K yang digunakan ada bebas klorida yang berbahaya kepada pokok dan tanah. Walaupun begitu, klorida boleh didapati di dalam tanah secara semulajadi, tetapi kandungan klorida yang berlebihan boleh memberikan kesan negatif kepada pokok.

Komposisi/ Maklumat ramuan

Real Strong K-Neutralizer
6.5% K₂O + S + TE
Sisa kopi
Bahan organik berasaskan tumbuhan
Asid amino
Enzim
Magnesium(MgO)
Potasy bebas klorida

Perbandingan di antara Ground Magnesium Limestone (GML) dan K-Neutralizer

GML	K-Neutralizer
Tidak mempunyai sebarang bahan organik untuk memperbaiki sifat fizikal tanah.	Mempunyai kandungan bahan organik yang boleh memperbaiki struktur tanah.
Kaedah penggunaan - Perlu digaul ke dalam tanah untuk kesan maksimum.	Kaedah penggunaan - Mudah digunakan. Hanya perlu ditabur terus.
Mengandungi unsur kalsium yang tinggi. Ini boleh mengganggu penyerapan K ₂ O, MgO dan beberapa unsur lain. Secara tidak langsung boleh menjejaskan hasil dan kualiti tanaman.	Mengandungi 6.5% K ₂ O, dan unsur-unsur surih lain seperti MgO, B, Zn, Cu, Mn, Asid Amino dan juga Enzim yang penting untuk kesihatan dan hasil baik tanaman.
Bertindak memperbaiki pH di permukaan tanah sahaja.	Memperbaiki pH tanah dengan segera dan kekal untuk jangka masa yang panjang. <i>*tertakluk kepada jenis tanah</i>
Tindak balas dan keberkesanan dalam masa yang singkat.	Mempunyai tindak balas pantas dan dapat mengekalkan keberkesanan dalam jangka masa panjang >1 tahun. <i>*tertakluk kepada jenis tanah</i>
Tidak membantu dalam kadar pertukaran kation (CEC)**	Mempunyai bahan organik yang dapat memperbaiki CEC tanah sambil meningkatkan aktiviti mikrob **

** Kadar Pertukaran Kation adalah ukuran keupayaan tanah untuk memegang ion bercap positif. CEC dapat mempengaruhi kestabilan struktur tanah, pH tanah, ketersediaan nutrien dan penyerapan nutrien.

Penggunaan K-Neutralizer



Menyumbang kepada pertumbuhan pokok yang lebih sihat.



Memaksimumkan pengeluaran hasil.



Sesuai digunakan untuk pelbagai jenis sayuran.

Pengesyoran untuk tanaman kelapa sawit

K-Neutralizer digunakan setahun sekali sebagai tambahan kepada baja sedia ada untuk memperbaiki pH tanah. Ia juga dapat memulihkan struktur ekologi tanah bagi meningkatkan penyerapan nutrien dan kadar pegangan air dalam tanah.

- Penggunaan K-Neutralizer secara berterusan dapat membantu meningkatkan ketersediaan K beserta unsur-unsur surih di dalam tanah yang penting untuk pertumbuhan pokok.
- Ia juga dapat bertindak sebagai perapi tanah yang boleh menyediakan tanah untuk pusingan tanaman seterusnya.

Tanaman	Kadaran
Kelapa sawit	4-10 kg/sawit/tahun
Tanaman kontan	1 kg/m ² (bergantung kepada jenis tanaman)

Keputusan Ujian pH di Ladang

Ujian dijalankan di ladang Sarawak

Sebelum



pH 3.4

Selepas



pH 5.0

pH tanah gambut sebelum dirawat dengan K-Neutralizer ialah 3.4 dan pH selepas rawatan ialah 5.0.

Ujian dijalankan di ladang Semenanjung

Sebelum



pH 4.5

Selepas



pH 6.5

pH tanah liat sebelum dirawat dengan K-Neutralizer ialah 4.5 dan pH selepas rawatan ialah 6.5 dan kekal selama 6 bulan.

Ujian Ketoksikan Logam Berat

Nilai Maksimum Logam Berat					
Logam berat	Tahap maksimum dibenarkan (mg/kg)	RealStrong K-Neutralizer	Logam berat	Tahap maksimum dibenarkan (mg/kg)	RealStrong K-Neutralizer
Kromium (Cr)	200	2.9	Kadmium (Cd)	5	0.0
Plumbum (Pb)	300	0.4	Raksa (Hg)	2	0.0
Nikel (Ni)	150	1.1	Arsenik (As)	50	n.d

Nilai maksimum dibenarkan untuk logam berat dalam baja organik dinyatakan dalam jadual di atas. K-Neutralizer adalah selamat digunakan dan tidak memberikan kesan buruk terhadap manusia, tanah dan tanaman.

*Standard Malaysia



ALL COSMOS INDUSTRIES SDN BHD
 PLO 650, Jalan Keluli 7, Pasir Gudang Industrial Estate,
 81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia.
 Tel: +607-252 3788 Fax: +607-251 2588/+607-252 5298
 Website: www.allcosmos.com
 Email: sales_marketing@allcosmos.com